



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DALAM BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

SEGARAN A/L SHANMUGAM

FPP 1999 36

**PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DALAM BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

Oleh

SEGARAN A/L SHANMUGAM

**Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian
Pendidikan Universiti Putra Malaysia**

Mac 1999



PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof Madya. Dr. Zakaria Kasa dan Tuan Hj. Azali Mahbar kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kerana memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian.

Terima kasih juga ditujukan kepada pengetua-pengetua sekolah menengah Daerah Port Dickson kerana kerjasama daripada guru-guru dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan diucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Teknologi Pendidikan, UPM, rakan-rakan program Master Sains dan kepada sesiapa sahaja yang menyumbang dan membantu dalam menyempurnakan projek ini.

Akhir sekali, kepada Pn Ruku yang telah memberi tunjuk ajar. Juga kepada isteri dan anak. Kepada semua, penulis mengabadikan projek ini.



DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vi
ABSTRAK.....	vii
ABSTRACT.....	viii

BAB

I PENDAHULUAN.....	1
Pengenalan.....	1
Pernyataan Masalah.....	4
Objektif Kajian.....	6
Kepentingan Kajian.....	7
Batasan Kajian.....	8
Definisi Istilah.....	8
Bahan Pengajaran dan Pembelajaran.....	9
Pengajaran.....	10
Pusat sumber sekolah	11
II SOROTAN LITERATUR.....	12
Pengenalan.....	12
Prinsip-prinsip Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran.....	12
Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pengajaran.....	14
Masalah Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pengajaran.....	19
Kemudahan dan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang ada Di Pusat Sumber Sekolah.....	23
Kesimpulan.....	24



III	METODOLOGI	25
	Pengenalan.....	25
	Reka Bentuk Kajian.....	25
	Responden Kajian.....	26
	Instrumen Kajian.....	29
	Kajian Rintis.....	32
	Pengumpulan Data.....	34
	Analisis Data.....	34
IV	DAPATAN KAJIAN	36
	Pengenalan.....	36
	Latar Belakang Responden.....	36
	Jantina.....	37
	Umur.....	37
	Kelulusan Akademik.....	38
	Kelulusan Ikhtisas.....	39
	Pengalaman Mengajar.....	39
	Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah.....	40
	Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Digunakan Oleh Guru Dalam Pengajaran Di Bilik Darjah.....	40
	Tahap Keyakinan Guru Menggunakan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran.....	42
	Kekerapan Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran.....	44
	Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Ada Di Sekolah.....	46
	Masalah Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran dalam Pengajaran.....	47
V	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	51
	Pengenalan.....	51
	Rumusan.....	51
	Perbincangan.....	54
	Cadangan.....	59

BIBLIOGRAFI.....	62
LAMPIRAN	
A Soalselidik.....	66
B Cadangan Ahli-Ahli Panel Penyemak Kesahan Soalselidik.....	75
C Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan.....	77
D Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.....	80
 BIODATA PENULIS.....	 82



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Taburan Guru-Guru Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Port Dickson.....	26
2. Taburan Responden Mengikut Sekolah.....	28
3 Bilangan Responden Mengikut Jantina.....	37
4 Bilangan Responden Mengikut Umur.....	38
5 Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik.....	38
6 Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas.....	39
7 Bilangan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar....	38
8 Taburan Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran..	41
9 Taburan Tahap Keyakinan Penggunaan Bahan pengajaran Dan Pembelajaran.....	43
10 Taburan Kekerapan Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran.....	45
11 Taburan Dan Bilangan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Ada Di Sekolah-Sekolah Kajian.....	46
12 Masalah Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran.....	49

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DALAM BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

Oleh

SEGARAN A/L SHANMUGAM

MAC 1999

Penyelia : Profesor Madya Dr. Zakaria Kasa

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sejauh manakah bahan pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam pengajaran di kalangan guru-guru di samping meninjau kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran yang ada di pusat sumber sekolah. Kajian juga mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.



Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua pusat sumber sekolah mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Bilangan media elektronik adalah kurang dibandingkan dengan media bukan elektronik.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun semua guru menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran mereka, namun media bukan elektronik yang lebih popular. Terdapat juga perbezaan yang ketara dari segi kekerapan penggunaan media elektronik dan bukan elektronik. Komputer dan projektor slaid paling jarang digunakan. Guru juga berkeyakinan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran melainkan komputer dan projektor slaid.

Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu mereka menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang telah dikenalpasti dalam kajian ini.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational
Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the
requirements for the Degree of Master of Science

**THE USE OF INSTRUCTIONAL MATERIALS FOR TEACHING
AND LEARNING IN THE CLASSROOMS IN SECONDARY
SCHOOLS IN THE DISTRICT OF PORT DICKSON , NEGERI SEMBILAN**

By

SEGARAN A/L SHANMUGAM

MARCH 1999

Chairperson : Associate Professor Dr. Zakaria Kasa

Faculty : Faculty Of Educational Studies

The aim of this research is to identify to what extent instructional and learning aids is used by teachers and the instructional and learning aids available in the school resource centre. This research also identifies the problems faced by teachers in implementing the usage of instructional and learning aids in the classroom.



This research shows that the school resource centres have the basic facilities although the number of electronic media available is less than the non electronic media. The findings also show that although all the teachers use instructional and learning aids, they prefer the non-electronic media. There also exists a significant difference in the frequency of usage between electronic and non electronic media. Computers and slide projectors are very rarely used. Teachers are also very confident in using the instructional and learning aids except for computers and slide projectors.

This research also reveals that teachers have a positive outlook towards the usage of instructional and learning aids. Yet they still face certain problems limiting their usage of instructional and learning aids which has been identified in this research.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bahan pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen penting yang memudahkan komunikasi antara guru dengan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru perlu menguasai segala pengetahuan dan kemahiran penyediaan dan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahan pengajaran dan pembelajaran merupakan satu organisasi kompleks dalam pengajaran yang melibatkan manusia, idea, alat-alat, kaedah pengurusan dan pengendalian serta penilaian media. Bahan-bahan ini banyak membantu melicinkan komunikasi dua hala di antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar.

Buku Panduan Am KBSR Kementerian Pendidikan (1988)

menyatakan dengan jelas tentang kepentingan penggunaan bahan-bahan atau media dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. Buku tersebut menjelaskan tiga fungsi media iaitu:

- i. menolong guru mewujudkan kepelbagaian dan minat dalam satu waktu pelajaran di samping memberi peluang kepada guru mencuba pendekatan dan teknik pengajaran yang lain.
- ii. membantu guru menimbulkan situasi yang lebih bermakna untuk menyampaikan butiran-butiran pelajaran.
- iii. menolong memberi rangsangan kepada guru untuk menggerakkan daya fikiran hingga dapat melahirkan pertuturan dan pemikiran serta memberi peluang kepada mereka menggunakan satu atau lebih deria dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam hal ini, guru perlu memainkan peranan sebagai pengarah, pembimbing, pengurus dan pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Laporan Jawatankuasa Kabinet(1974) melalui perakuan ke 115(C) menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan harus mengadakan kemudahan di setiap sekolah untuk kegiatan yang berkaitan dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu di dalam tahun-tahun 1980-an kita dapat melihat betapa pesatnya perkembangan bidang Teknologi Pendidikan. Sebagai

contoh penubuhan pesat Pusat-pusat Sumber Teknologi yakni empat Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), 350 Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan lebih 5,000 Pusat Sumber Sekolah (PSS); penawaran kursus Teknologi Pendidikan pada peringkat sijil, ijazah pertama atau lanjutan di beberapa buah institusi pengajian tinggi, penubuhan Persatuan Teknologi Pendidikan yang pertama iaitu Persatuan Media Pendidikan Wilayah Persekutuan; dan kewujudan Bahagian Teknologi Pendidikan (Ab. Rahman, 1993).

Matlamat Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) ialah membantu meningkatkan mutu pendidikan di negara kita dengan berteraskan falsafah 'bahawa penggunaan pelbagai jenis media pendidikan secara terancang dapat mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta memberi peluang kepada setiap murid menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk mengembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu' (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Kajian yang telah dijalankan oleh Perkhidmatan Pendidikan Media, Kementerian Pendidikan (1986) telah menunjukkan bahawa kejayaan pembelajaran banyak bergantung kepada usaha guru yang boleh menyesuaikan teknik dan bahan dalam aktiviti dan projek pembelajaran. Justeru itu Pusat

Sumber Sekolah memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pusat Sumber Sekolah telah diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet . Kursus-kursus untuk kakitangan penting diadakan di beberapa institusi pengajian tinggi dan maktab-maktab, pembinaan sebanyak 350 buah Pusat Kegiatan Guru telah dirancang dan dibina.

Pernyataan Masalah

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran di samping menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan (Mat Nor Hussin dan Abd Rahman Abd. Rashid, 1988). Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan suatu cara yang berkesan untuk meningkatkan proses pembelajaran (Heinich, Molenda, Russell & Smaldino, 1996). Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran secara langsung bukan sahaja berkait rapat dengan ciri-ciri atau keadaan-keadaan tertentu yang ada pada guru-guru dan pelajar, tetapi juga bergantung kepada mana satukah deria pelajar yang paling banyak dieksploitasikan oleh guru. Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dapat melibatkan pelbagai deria pelajar dan menjadikan pengajaran ini benar-benar berkesan (Naim, 1991). Penggunaan media juga dapat membantu pencapaian objektif pembelajaran (Jeyanti, 1996).

Penggunaan pelbagai alat dan bahan bilik darjah semakin kurang diamalkan (Asiah Abu Samah 1992). Antara faktor yang menyebabkan perkara ini terjadi ialah masalah kekurangan peralatan untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran, masalah kewangan, kurang sokongan serta penglibatan yang serius daripada berbagai-bagai peringkat. Minat dan motivasi guru terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran juga belum meluas, dan anggapan bahawa Teknologi Pendidikan hanya merupakan alat bantu mengajar dan bukannya sebahagian dari kurikulum (Syed Mohamed b.Othman, 1983). Selain itu terdapat juga masalah-masalah lain yang menghalang guru daripada memanfaatkan keprofesionalannya kesan daripada peruntukan masa hanya tiga kali seminggu. Faktor ini menyebabkan guru tidak mempunyai masa yang cukup, manakala sukatan pula terlalu banyak untuk dihabiskan(Sim Ah Hock, 1986).

Guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah rendah mahupun di sekolah menengah sudah didedahkan dengan pengetahuan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran semasa mereka menuntut di maktab perguruan atau di universiti. Salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru untuk menjadikan pengajaran mereka berkesan seperti yang ditegaskan oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ialah menyediakan sumber pengajaran yang bersesuaian dan berkesan serta penggunaannya yang efektif.

Sekiranya kemampuan guru dalam menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran tidak dikenalpasti, pihak sekolah pada khususnya dan pihak Kementerian Pendidikan pada amnya tidak berpeluang untuk memperbaiki kelemahan mereka. Justeru itu guru-guru akan gagal memenuhi tuntutan matlamat pendidikan khususnya KBSR dan KBSM. Oleh itu adalah wajar satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru di negara kita.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, sejauh manakah bahan pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam pengajaran di kalangan guru-guru, meninjau masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang ada di Pusat Sumber sekolah. Untuk mencapai objektif ini, soalan-soalan berikut dikemukakan.

1. Adakah guru-guru menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran?
2. Apakah jenis-jenis bahan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di sekolah?

3. Apakah jenis bahan pengajaran dan pembelajaran yang biasa digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran?
4. Berapa kerapkah bahan pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam pengajaran?
5. Sejauh manakah tahap keyakinan guru-guru dalam menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran?
6. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah?

Kepentingan Kajian

Kajian yang berkaitan tentang penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah masih terlalu kurang di negara kita. Oleh itu melalui kajian ini adalah diharapkan dapat memberi data tentang penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru dan mengenalpasti apakah halangan-halangan yang mereka hadapi dalam menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Sekiranya masalah-masalah dapat dikenalpasti, pihak-pihak yang terlibat seperti Pusat Sumber Sekolah, Pentadbir Sekolah dan seterusnya Kementerian Pendidikan seharusnya mencari jalan untuk mengatasinya supaya matlamat Pendidikan Negara tercapai. Hasil kajian ini dapat menghasilkan maklumat yang

berguna untuk dijadikan garis panduan awal kepada pegawai-pegawai di peringkat Kementerian, jabatan dan jabatan pendidikan bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu hasil kajian ini juga diharapkan dapat merangsang dan menggalakkan para pendidik untuk mengambil usaha positif ke arah mempertingkatkan lagi penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam perkembangan pendidikan di negara ini.

Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Justeru itu dapatan kajian hanya digeneralisasikan kepada guru-guru tersebut.

Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini memerlukan penjelasan. Kajian ini melibatkan beberapa konsep seperti mana yang diterangkan seperti berikut.

Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam konteks kajian ini, bahan pengajaran dan pembelajaran ditakrifkan sebagai apa jua alat atau bahan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tujuannya ialah untuk menolong, memudah dan memperkukuhkan lagi pengajaran guru supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.

W.F.Connel (1981:386) mengkategorikan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada tiga iaitu;

- i. Bahan pengajaran dan pembelajaran am (Misalnya papan hitam dan buku bercetak
- ii. Alat pandang dengar (alat pandang - misalnya objek, model, patung, gambar, lukisan, diorama, gambar foto, glob, peta, carta, gambar rajah, graf, poster, kartun dan bahan salinan. Alat dengar pula - misalnya radio, alat pemain piring hitam, pita rakaman suara dan sistem pembesar suara. Filem suara dan televisyen pula bercorak pandang dengar)
- iii. Alat ciptaan baru bagi pengajaran berprogram seperti komputer dan simulasi.

Dalam kajian ini, bahan media dikelaskan kepada dua kategori iaitu:

- i. Media bukan elektronik.(Misalnya papan tulis,poster, carta, gambar lukisan/foto, model, benda sebenar, bahan cetakan, buku teks, kad imbasan, lembaran kerja dan papan gulung).
- ii. Media elektronik (Misalnya OHP, projektor slaid, radio/kaset, TV/Video dan komputer).

Pengajaran

Mengikut Romiszowski (1988), pengajaran adalah proses yang berorientasikan matlamat yang dirancang terlebih dahulu. Bagi Heinich, Molenda dan Russell (1981), pengajaran merupakan penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran.

Berhubung kajian ini, tugas utama guru di dalam pengajarannya ialah membimbing pelajar-pelajar mendapatkan atau menguasai isi pelajaran sehingga pelajar-pelajar dapat mencapai objektif yang telah ditentukan. Di dalam pengajaran ini, guru akan menggunakan strategi tertentu dan memilih teknik-teknik yang paling berkesan untuk membantu pelajar-pelajar mencapai objektif yang telah ditentukan.

Pusat Sumber Sekolah

Pusat sumber sekolah didefinisikan sebagai tempat di mana guru-guru dapat berunding sesama sendiri, memilih, menilai, memperbaiki, membuat dan seterusnya menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan pertimbangan untuk meningkatkan kecekapan ikhtisas guru(Yusup, 1994).

Dalam konteks kajian ini, pusat sumber sekolah dianggap sebagai pusat pengumpulan dan penyimpanan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Pusat sumber sekolah juga menyediakan ruang dan perkakasan yang diperlukan oleh guru dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran.

BAB 11

SOROTAN LITERATUR

Pengenalan

Bab ini akan membicarakan tentang kajian yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Aspek-aspek penting yang akan dimasukkan dalam bab ini merangkumi perkara-perkara yang menggambarkan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran. Bab ini juga membicarakan konsep dan prinsip penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu kajian tentang halangan-halangan yang dihadapi dalam penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah juga dimuatkan dalam bab ini.

Prinsip-prinsip Penggunaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Sebelum memilih bahan pengajaran dan pembelajaran, guru mestilah sudah memikirkan topik yang dipilih, matlamat pengajaran, kebolehan penuntutnya, isi kandungan mata pelajaran secara terperinci dan begitu juga objektif-objektif pengajaran guru. Kemudian guru hendaklah menganalisis pengalaman pelajar dengan menggunakan sumber-sumber pengajaran tertentu. Pembelajaran pelajar yang akan disampaikan oleh guru hendaklah dianalisis berdasarkan objektif dan seterusnya mencatatkan dengan jelas sumber yang diperlukan untuk menghasilkan pembelajaran itu. Guru hendaklah menentukan

sifat-sifat bahan pengajaran dan pembelajaran yang hendak disediakan sebelum pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran dapat dibuat. Perkara-perkara yang perlu diingat adalah seperti kandungan, rekabentuk dan persembahan.

Banyak hasil yang praktikal dapat dicapai apabila bahan pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi digunakan di dalam bilik darjah. Antara hasil-hasil ini ialah (Kemp dan Smellie, 1989):

- i. Kandungan topik boleh dipilih secara lebih terperinci dan diorganisasikan.
- ii. Penyampaian pengajaran boleh dipiawaikan.
- iii. Pengajaran adalah lebih menarik minat pelajar.
- iv. Pembelajaran adalah lebih interaktif apabila teori-teori pembelajaran diaplikasikan.
- v. Masa pengajaran boleh disingkatkan.
- vi. Kualiti pembelajaran boleh diperbaiki
- vii. Arahan boleh diberikan bila dan di mana perlu
- viii. Sikap positif individu terhadap apa yang mereka pelajari dan juga terhadap proses pembelajaran itu sendiri boleh dikukuhkan.
- ix. Peranan guru juga boleh dikukuhkan.

Dilihat secara keseluruhan, kesemua hasil-hasil di atas menunjukkan bahawa kecekapan pembelajaran dan sikap positif terhadap pembelajaran dapat diperkukuhkan melalui penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Untuk

mencapai kebaikan-kebaikan di atas, bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan mestilah bermutu tinggi dan dipilih atau direka, dihasilkan dan digunakan sebagai satu bahagian yang diintegrasikan di dalam sistem pembelajaran dan pengajaran. (Gagne, Briggs, dan Wager, 1992)

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran

Rohana Zubir (1987) berpendapat bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran dapat menimbulkan minat dan kesungguhan di kalangan pelajar. Sekiranya penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih kerap dilakukan oleh guru, kemungkinan pelajar akan dapat mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan.

Zuraidah (1988) telah menjalankan kajian ke atas pelajar di sebuah sekolah menengah di Seremban bagi melihat keberkesanan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran kimia. Pelajar-pelajar telah menyatakan bahawa penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran amat berkesan dalam membantu proses pengajaran mereka.

Mohd Dahlan (1992), telah membuat kajian tentang keberkesanan penggunaan alat dan bahan bantu mengajar peserta-peserta kursus perguruan khas dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan terhadap peserta-